



NARA PINGGIR BANDAR YANG DAMAI

Oleh Adawiah Zainal


MALAM sudah melabuhkan tirainya ketika penulis tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai, Osaka atau singkatannya KIX. Debaran di dada mula terasa sebaik-baik sahaja kaki melangkah masuk ke pekarangan imigresen kerana inilah kali pertama penulis menjejakkan kaki ke Osaka, Jepun.

Kawalan imigresen di Kansai sangat ketat sehingga ada dua tempat pemeriksaan untuk pengesanan cap cari dan semakan pasport. Jika tidak bernasib baik, pihak imigresen akan memeriksa secara rambang bagasi pelancong bagi melihat barangan yang dibawa masuk ke negara Jepun. Penulis bernasib baik kerana bagasi yang dibalut kemas tidak dibuka. Barangkali ketika itu sudah lewat malam.



Memandangkan jarak perjalanan dari Kansai ke Nara Institute Science and Technology (NAIST) mempunyai jarak perjalanan selama satu jam, penulis membuat tempahan untuk bermalam di Aero Plaza, yang terletak di Lapangan Terbang Kansai. Penulis tidak mahu mengambil risiko meneruskan perjalanan pada lewat malam kerana datang bersendirian. Apatah lagi ketika itu musim sejuk sudah tiba. Udara sejuk dan deru angin pantas menggigit tulang. Penulis lebih gemar memulakan perjalanan ke destinasi baharu pada keesokan hari ketika tubuh sudah segar dan bertenaga.

Ada dua jenis hotel di Aero Plaza, iaitu First Cabin Hotel dan Nikko Kansai Airport. Penulis menginap di First Cabin Hotel kerana harganya yang lebih murah. Namun begitu,




Pemandangan waktu petang di sekitar Shinshabashi.

selama tiga minggu di NAIST. Terdapat kerjasama penyelidikan di antara kumpulan penyelidikan penyelia PhD penulis dengan saintis di NAIST. Penulis mempelajari beberapa pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan bidang bioinformatik dan pembelajaran mesin bagi melengkapkan penyelidikan PhD. Pengalaman kerjasama penyelidikan dengan saintis daripada pelbagai negara ternyata berbeza kerana setiap daripadanya mempunyai budaya dan cara kerja yang tersendiri.

Sistem pengangkutan awam Jepun yang sangat efisien memudahkan para pelancong menggunakan pengangkutan awam seperti keretapi laju, keretapi antara bandar dan bas. Namun begitu, penulis lebih senang menaiki bas kerana tidak perlu turun naik menukar tren. Walaupun dengan menaiki bas, sistem bagasi penumpangnya turut efisien. Setiap bagasi ditampalkan tiket dan untuk mengambil bagasi

yang disimpan di dalam perut bas, penumpang perlu menunjukkan tiket tersebut. Seorang konduktor bas akan bertanggungjawab mengurus dan menyelia bagasi penumpang.

Perjalanan dari Kansai ke Nara hanya mengambil masa lebih kurang satu jam. Nara terletak di kawasan pinggir bandar. Suasananya lebih tenang dan damai tanpa hiruk-pikuk kenderaan seperti di tengah-tengah bandar Osaka, Kyoto dan Tokyo. Daya tarikan pelancong di Nara pastinya kuil Jepun yang kaya dengan nilai sejarah di samping rusa yang sangat jinak dengan manusia di sekelilingnya.




Pintu masuk Salon Naramachi.


jika berteman, First Cabin Hotel bukanlah hotel yang sesuai kerana tidak boleh melebihi seorang penginap di dalam satu bilik. Ada juga kapsul yang boleh disewa yang hanya memuatkan sebuah katil dan seorang penghuni sahaja. Jika memilih untuk bermalam di dalam kapsul, bagasi akan disimpan di ruang penyimpanan bagasi yang disediakan oleh pihak hotel. Jangan bimbang kerana pastinya selamat. Jika transit hanya beberapa jam atau ingin menjimatkan wang, ada juga ruang rehat di Aero Plaza yang lebih privasi.

Penulis ke sini kerana mengikuti program sangkutan penyelidikan


Pemandangan sekitar tasik Sarusawa.




Kisah legenda tasik Siwaru.



Pemandangan sawah padi di sekitar kawasan perumahan.



Pemandangan musim sejuk di NAIST.



Penulis mencuba hidangan makanan halal Jepun di Restoran Chibo Diversity.



Sepanjang perjalanan, penulis dikelilingi oleh panorama hijau yang sedap mata memandang. Yang paling penulis kagumi ialah sawah padi yang mudah dijumpai di mana-

mana sahaja. Di sekitar kawasan perumahan di Nara, penulis pasti menemui beberapa petak sawah padi. Sawah padi bagaikan dekat di hati rakyat Jepun. Menurut guru penulis, seorang ahli pembiak baka padi, sawah padi yang ada di setiap kawasan rumah penduduk di Jepun adalah perkara biasa.

Tambahan pula pada ketika itu musim sejuk, padi baharu sahaja ditanam sekitar tiga hingga empat bulan tetapi nampak hijau dan rintang terhadap cuaca sejuk. Di Jepun, jenis padi yang paling popular ialah *Koshihikari*, yang merupakan beras *japonica* yang bersifat melekit dan berbentuk bulat seperti manik-manik putih kecil.

Penulis juga tertarik dengan struktur kediaman atas tanah di

Nara. Rata-rata kediaman atas tanah di Nara hanya dibina dua tingkat tetapi mempunyai saiz dan bukaan yang sederhana. Kediaman mereka tampak lebih minimalis dan jarak di antara sebuah rumah dengan rumah yang lain juga tidak terlalu rapat. Cukup sekadar memuatkan ruang sebuah kereta tetapi tetap tampak selesa dan mewah. Ada juga yang tidak mempunyai ruang parkir di dalam pagar rumah, namun ada ruang parkir khas yang berpagar, menjadi tempat parkir kereta penghuni dalam kawasan perumahan tersebut. Kelihatan lebih tersusun dan sistematis.

NAIST terletak berhampiran dengan stesen Tomigaoka dan stesen Gakken-Kita-Ikoma. Oleh itu dapat memudahkan penulis untuk keluar ke bandar pada setiap kali hujung minggu tiba. Sistem pengangkutan yang rancak dan efisien ini walaupun sangat memudahkan penumpang tetapi tetap juga mengelirukan penulis. Pernah terjadi, perjalanan yang dirancang rapi dan senarai stesen yang ingin dituju sudah dikenal pasti tetapi penulis masih tersalah menaiki tren. Hal ini kerana

ada waktunya laluan stesen ditukar. Oleh itu, sentiasalah membaca papan tanda digital bagi mengemas kini waktu perjalanan.

Antara daya tarikan di sekitar Nara yang paling hampir dengan tempat penulis menginap ialah Nara Park, iaitu tempat tumpuan pelancong. Di sini juga terdapat rusa yang jinak. Di tengah-tengah Nara Park ada sebuah kolam buatan yang bernama, Sarusawa. Kolam ini mempunyai cerita legendanya yang tersendiri. Di sekeliling Sarusawa disediakan kerusi untuk para pengunjung bersantai sambil menikmati pemandangan. Ada sebuah pagoda kecil di sekitar Sarusawa yang dikelilingi oleh pepohon yang rimbun.

Beberapa kuil juga boleh dilawati di sekitar Nara Park tetapi penulis tidak berkesempatan untuk mengunjungi kuil bersejarah itu. Penulis lebih gemar memasuki lorong demi lorong untuk menikmati wajah pekan kecil yang bernama

Mercu tanda NAIST.

Naramachi. Pekan ini menampilkan wajah struktur dan budaya masyarakat Jepun terutamanya pada binaan kedai dan rumah yang terdapat di setiap lorong yang dilewati.

Ada pelbagai kedai yang menjual pelbagai produk buatan Jepun seperti kimono, beg tangan, tikar dan sebagainya di celah-celah lorong pekan Naramachi. Penulis tekun meneliti produk buatan Jepun yang halus dan berseni buaatannya. Yang menambahkan kekaguman penulis ialah pada setiap baju, beg dan cenderamata yang dijual tertulis "Made in Japan". Tidak seperti negara lain yang penulis kunjungi, produk cenderamata mereka berlatarkan imej negara tetapi bukan buatan tempatan.

Perjalanan yang mengikut gerak hati itu juga membawa penulis menemui sebuah kedai, iaitu Salon Naramachi. Di sini, penulis mempelajari cara membancuh teh hijau secara tradisional dengan menggunakan pembancuh yang dibuat daripada buluh. Tradisi membancuh teh dengan menggunakan pembancuh teh daripada buluh menjadi kebiasaan bagi masyarakat Jepun dahulu kala dan menjadi satu daripada upacara dalam majlis kebesaran mereka.

Di Salon Naramachi juga pengunjung terutamanya pelancong luar dapat menikmati budaya Jepun dan struktur rumah tradisional mereka. Penulis sungguh

tertarik dengan tatarias rumah tradisional Jepun yang ditampilkan. Menjengah masuk ke dalam Salon Naramachi, pengunjung dapat menjamu mata dengan taman mini Jepun yang dihiasi oleh pepohon renek, kolam buatan dan tempat basuhan kaki yang kelihatan comel bagi penulis.

Suasana ruang tamu rumah tradisional Jepun, iaitu tanpa kerusi tetapi hanya meja jepun dan pelapik duduk juga diperlihatkan kepada pengunjung. Terdapat lukisan rusa yang berusia lebih 200 tahun dan pengunjung dilarang menyentuhnya. Pada mulanya penulis menyangka bahawa larangan sentuhan itu mempunyai unsur ritual tetapi rupanya bertujuan untuk memelihara keaslian lukisan tersebut supaya tidak rosak.

Sudah menjadi adat masyarakat Jepun, teh hijau dinikmati bersama-sama peminis mulut yang berasaskan tepung pulut. Peminis mulutnya datang dalam pelbagai bentuk tetapi tidak terlalu manis – bagaikan sebuah gandingan yang sempurna. Jika peminis mulut di Korea dikenali sebagai *Mykori*, di Jepun pula dipanggil *Kakigori*. *Kakigori* seperti ais kacang di Malaysia tetapi bezanya ialah tanpa kacang, jagung dan cendol. Walaupun ketika itu musim sejuk, penulis tetap mahu mencuba.

Usai di Nara Park yang damai dan tenang, penulis meluangkan masa ke Shinshabashi dan Dotonburi, iaitu bandar yang menjadi tumpuan pelancong di Osaka. Dari Nara Park, penulis hanya mengambil tren tanpa henti dan berhenti di stesen Namba yang merupakan stesen terakhir bagi rangkaian tren Kintetsu-Nara.


Stesen Namba disambungkan dengan lebih kurang 250 rangkaian kedai

bawah tanah yang memudahkan para pengunjung membeli-belah. Untuk keluar dari bangunan itu, pengunjung boleh melalui mana-mana pintu keluar masuk. Stesen Namba ini juga titik pertemuan pelbagai rangkaian tren Jepun seperti JR, Kintetsu, Hanshin, Nankai dan Osaka Metro. Maka itu, tidak hairanlah stesen ini menjadi tempat tumpuan pelancong yang sangat padat.

Semangat ingin merasai makanan Jepun halal membawa penulis ke sini. Banyak makanan halal boleh didapati di Shinshaibashi dan Dotonburi berbanding di Nara. Penulis sempat menikmati hidangan halal cita rasa Jepun seperti Okonomiyaki dan daging wagyu di restoran Chibo Diversity.

Shinshabashi dan Dotonburi juga sesuai dilawati pada waktu malam kerana kesibukan bandar ini bagaikan tidak pernah tidur. Kerlipan lampu malam yang mewah menjadikannya cantik dan menarik sekali pada waktu malam.

Penulis menyangka di Jepun yang serba canggih ini sentiasa menerima konsep nir tunai. Ternyata sangkaan penulis meleset. Jepun masih lagi mengamalkan sistem wang tunai terutamanya di mesin pembelian tiket pengangkutan awam. Oleh itu, bersedialah dengan wang tunai yang mencukupi apabila melancong ke Jepun.

Pastikan juga untuk mempunyai perisian terjemahan bahasa supaya memudahkan lagi urusan perjalanan di sana. Begitu juga dengan perisian makanan halal yang boleh dimuat turun dalam telefon pintar. Bagi mereka yang mahu mengakses internet sepanjang masa bolehlah dapatkan sewaan poket internet di lapangan terbang Kansai dengan harga yang berpatutan. Bagi penulis persediaan ini sangat berbaloi kerana dapat membantu penulis merancang perjalanan dan mencari pelbagai perkara terutamanya yang melibatkan terjemahan bahasa. 

Satu hidangan peminis mulut tradisi masyarakat Jepun yang dinamakan *Kakigori*.

